

06/04/2001

SM Salim seniman tulen

Roslen Fadzil

TIDAK pernah terlihat dalam senario konsert di Malaysia, seorang penghibur profesional menyanyi sambil duduk di kerusi selama lebih satu setengah jam tetapi masih memukau - dari saat yang pertama hinggalah terakhir!

Namun itulah sejarah tersendiri ciptaan Datuk SM Salim apabila beliau muncul dalam persembahan yang sarat dengan lagu tradisional di Dewan Filharmonik Petronas, KLCC, selama dua hari bermula 31 Mac lalu.

Sejarah ukiran SM Salim juga membuktikan bahawa usianya yang hampir tiga suku abad itu bukanlah penghalang untuk menonjolkan diri sebagai penglipurlara di pentas apatah lagi penonton yang hadir rata-rata golongan elit.

Turut menyaksikan persembahannya itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Menteri Pertanian, Datuk Effendy Norwawi yang ditemani isteri, Datin Farida.

Di celah ratusan penonton itu, kelihatan juga kelibat artis lain seperti M Nasir, Azean Irdawaty, Marlia Musa dan Yasin Sulaiman.

Tanpa penari latar, kesan khas atau opening gambit pun, SM Salim tetap bersahaja dan mampu menghibur kerana masing-masing yang datang lebih rindukan vokalnya dalam melagukan irama asli, joget, inang, zapin, ghazal dan keroncong.

Berbekalkan suara, pengalaman serta jati diri Melayu yang menebal, penyanyi kelahiran Kampung Baru, Kuala Lumpur itu berjaya mengangkat lagu Melayu tradisional bersama kelompok pemuzik profesional dari Orkestra Filharmonik Malaysia (MPO), di bawah pimpinan Ramli MS.

Mungkin peminat masih ingat, beberapa tahun lalu SM Salim pernah berjeans dan berkemeja-T apabila berduet dengan Zainal Abidin menyanyikan Satu. Ia melambangkan sikap sporting beliau, sesuai dengan persembahan bercorak santai.

Bagaimanapun, hawa persembahan di DFP pada malam itu jelas berbeza. Suasana begitu eksklusif dan SM Salim tampak segar berbaju Melayu, lengkap dengan songkok, sampin dan capal.

Kalau dikira, artis rakaman tempatan pertama yang diberi peluang muncul di pentas DFP ialah Sheila Majid (Jun tahun lalu), namun tidak seperti SM Salim yang menyanyi bersama MPO, Sheila diringi band sendiri.

Apa yang pasti, peluang yang diberikan oleh DFP mahupun MPO dengan sokongan Warner Music Malaysia, tidak dipersia-siakan penyanyi seangkatan Allahyarham Tan Sri P Ramlee dan Saloma itu.

Setiap lagu yang bergema mempunyai kisah tersendiri. Ada cerita mengenai tugasnya ketika menghiburkan askar Melayu di perantauan; ada pula mengenai kisah asmaranya sendiri dan tidak ketinggalan lagu yang menjadi kegemaran Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (Bunga Tanjung).

Jenaka dan pesan berpesan menyusul persembahan SM Salim malam itu dan beliau tidak ubah seperti seorang ayah dan datuk yang menasihati anak cucu.

Pada malam pertama, beliau menyampaikan 17 lagu termasuk secara medley. Sri Siantan, Kalau Ku Tahu, Bunga Tanjung, Pantun Budi, Tepuk Amai Amai & Dodoi Si Dodoi, Joget Jambu Merah, Selamat Tinggal Bungaku & Kenang Daku Dalam Doamu disampaikan pada segmen pertama manakala segmen kedua pula, Pandang-Pandang Jeling-Jeling (duet dengan Siti Nurhaliza), Tak Seindah Wajah, Sayang Musalmah, Cinta Dulu Cinta Sekarang, Joget Penghibur dan Apa Dah Jadi (katanya lagu rap Melayu asli!). Namun hairan, kenapa lagu

trademarknya, Pasir Roboh tercicir?

Tidak puas dengan persembahannya selepas dua jam berlalu, penonton menjerit ingin dengar lagi dan terpaksa belia dipimpin masuk semula, menyanyikan lagu Orang Berbudi Kita Berbahasa dan Seniman dengan nada hancur luluh.

Jelas, nyanyian penutup SM Salim itu menyimpulkan apa yang terselit di dalam hatinya selama ini. Baginya, dunia seni ini tak seindah wajah.

(END)